

05 JUL 2003

Samy-India

SETIAP KAUM ADA HAK NYATAKAN MASALAH MEREKA, KATA SAMY

SUNGAI SIPUT, 5 Jun (Bernama) -- Setiap kaum di negara ini mempunyai hak untuk menyatakan masalah mereka kepada kerajaan untuk diambil tindakan sepatutnya, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata MIC sebagai parti yang mewakili kaum India di negara ini perlu menyatakan masalah-masalah kaum India kepada kerajaan dan ia tidak sepatutnya disalah ertikan kerana tiap-tiap kaum di negara ini mempunyai masalah.

"Setiap masalah yang dibangkitkan perlu diselesaikan. Jika tidak boleh diselesaikan 100 peratus, kita boleh selesai 30 atau 40 peratus. Masalah kaum India di negara ini mesti diambil kira sebagai masalah rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis ulang tahun ke-12 Kuil Sri Maha Mariamman di Ladang Sungai Keyla, dekat sini hari ini.

Ketika ditanya, adakah masalah yang dimaksudkan itu merujuk kepada sistem meritokrasi pengambilan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menyebabkan hanya seorang pelajar kaum India diterima masuk ke Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM) tahun ini, Samy Vellu berkata beliau merujuk kepada masalah komuniti India secara keseluruhan yang telah lama ada.

Beliau berkata beliau sering membangkitkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan tentang masalah kaum India dan Perdana Menteri akan mengambil tindakan segera mengatasinya.

"MIC mempunyai tanggungjawab menjaga kepentingan kaum India. Jika ada masalah saya mesti bangkitkan kepada Perdana Menteri dan kepada kerajaan. Jika saya tidak bangkitkan perkara itu, ini bermakna saya tidak layak lagi menjadi pemimpin lagi.

" Saya tidak layak lagi menjadi pemimpin oleh kerana saya tidak mewakili kaum yang telah memilih saya. Kaum India sebahagian dari Barisan Nasional (BN) yang membentuk kerajaan Malaysia.

" Saya ada tanggungjawab...bila saya jalankan tanggungjawab saya dan orang salah faham, itu saya tak peduli. Apa yang penting kami menjalankan tanggungjawab kami," katanya.

Katanya, jika masyarakat India mahukan sesuatu ia perlu disampaikan kepada kerajaan dan akan dilakukan menerusi parti yang mewakili mereka, MIC untuk disampaikan kepada kerajaan.

"Saya tahu sempadan saya dalam soal ini dan saya tidak boleh melakukan lebih dari sempadan saya. Bagaimanapun, jika saya tidak boleh tunai janji-janji saya kepada kaum saya, saya kena letak jawatan," katanya.

-- BERNAMA

KAY ZB